

Hikmah Wahyu yang Pertama Diturunkan Tuhan dalam Bulan Ramaḍān

Di dalam menyambut bulan Ramaḍān al-Mubārak bulan yang diturunkan al-Qur’ān di dalamnya ini janganlah hendaknya tertinggal begitu sahaja. Hendaklah kita mengkaji semula ayat yang pertama diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad (S.A.W), sebagai permulaan ayat yang dilimpahkan kepada Junjungan kita, Nabi Muhammad (S.A.W), di dalam Nuzul al-Qur’ān yang pertama itu adalah mengandungi suatu perkara yang tidak akan dapat ditinggalkan begitu sahaja dengan tidak dikaji dari suatu masa ke suatu masa kerana ayat permulaan itu dinuzulkan bukannya hanya sebagai tauliah kepada Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) tetapi ayat itu besar sekali ertinya bagi tiap-tiap manusia yang hidup dan mahu memikirkan keadaan dirinya sendiri, untuk mengenal dirinya sendiri, supaya dapat ia mengenal Allah Tuhan yang menjadikannya.

Sangat ringkas dan sangat sederhana ayat yang dinuzulkan bagi pertama kalinya itu iaitu dengan empat kalimah, empat ayat:

Iqrā’ bi ismi rabbika alladhī khalaq

Khalaqa al-insāna min ‘alaq

Iqrā’ wa rabbuka al-akrām

Alladhī ‘allama bi al-qalam

Maksudnya: “Bacalah dengan Tuhanmu yang menjadikan, menjadikan manusia daripada seketul darah; bacalah dengan nama Tuhanmu yang Amat Mengajar (dengan perantaraan) kalam.”

Inilah ayat yang mula-mula diturunkan. Kalau diperhatikan orang akan bertanya mengapa ayat mengenai kejadian manusia ini diturunkan-Nya – tidak ayat-ayat yang lain seperti ayat-ayat yang mengenai Tuhan, mengesakan-Nya dan seumpamanya. Mengapa tidak diturunkan ayat-ayat lain seperti yang diturunkan kemudian daripada itu.

Ini dapat dijawab bahawa Tuhan menghendaki manusia mengenal Tuhannya lebih dahulu kerana seseorang belum dapat mengenal Allah sebelum mengenal dirinya.

Sebab itulah ayat yang pertama ini manusia disuruh mengenal kejadiannya bahawa ia dijadikan-Nya dari seketul darah – darah yang hidup dan mengalir. Di dalam rahim ibu darah itu berkembang dan membesar. Di dalam beberapa ayat-ayat yang lain tentang kejadian manusia ini, untuk menyedarkan manusia Allah berfirman:

Yā ayyuhā al-nāsu in kuntum fī ghaybi’ mina al-ba’thi fa innā khalaqnākum min turābin thumma min nuḡfā’in thumma min ‘alaqā’in thumma min mudghā’in mukhallaqā’in wa ghayri mukhallaqā’in li nubayyina lakum
(ayat 5 sūrat al-Hajj)

Maksudnya: “Hai sekalian manusia jika kamu dalam ragu-ragu tentang Kebangkitan (Kiamat) maka (fikirkanlah) bahawa sesungguhnya Kami telah jadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitik mani kemudian dari seketul darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna kejadiannya (gugur), kerana Kami hendak terangkan kepada kamu kekuasaan Kami”

Di dalam sūrat al-Mu’min² ayat 67 firman Allah:
‘Howa al-ladhī khalaqun³ min turābin thumma min nuḡfā’in thumma min ‘alaqā’in thumma yukhrjukum iflan thumma li tabluḡhū ashuddakum thumma li takūnū shuyūkhān

¹ Perkataan sebenar ialah *raybi*.

² Perkataan sebenar ialah al-Ghāfir.

³ Perkataan sebenar ialah *khalaqakum*.

wa mirkaum man yutawaffi min qablu wa li tabluhi ajalan musamman wa la'allakum ta'qilun.

Maksudnya: Ialah yang telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitik mani, kemudian dari seketul darah, kemudian Ia mengeluarkan kamu sebagai anak kecil, kemudian (Ia biarkan) supaya kamu dewasa, kemudian supaya kamu jadi tua dan sebahagian daripada kamu diambil (jiwanya) sebelum itu; dan Ia biarkan sebahagian daripada kamu supaya kamu sampai kepada ajal yang ditentukan dan supaya kamu mengerti.

Ada lagi suatu ayat dari sūrat al-Qiyāmah ayat 37 hingga 40 yang menjelaskan tentang kejadian-kejadian itu.

Ini adalah sebagai huraian kepada ayat yang pertama yang sebegitu ringkas supaya manusia lebih dahulu mengenal akan kejadiannya.

Manusia yang berasal daripada tanah iaitu dijadikan datuk kita Adam, kemudian daripada Adam dijadikan Hawa dan setelah kejadian Hawa itu dijadikanlah manusia berasal daripada air mani dan air mani itu menjadi seketul darah. Darah yang hidup di dalam rahim ibu itu berkembang daripada darah yang hidup dan sesudah dijadikan membesar, diberi bertulang dan kemudian dijadikan daging, begitulah perubahan-perubahan satu peringkat kepada satu peringkat – daripada seketul darah, bertulang empat puluh hari dan daripada bertulang dilitupi oleh daging selama empat puluh hari dan kembangnya itu daripada darah dan darah itu hidup daripada makanan-makanan yang dimakan yang menjadi darah untuk makanan di dalam rahim ibu itu.

Kemudian setelah empat bulan maka darah tadi yang sudah menjadi seketul daging meliputi tulang di dalamnya dicantumkanlah roh kepadanya dan dengan ruh itulah mulai darah yang tadi belum bergerak mulai bergerak dalam rahim

ibu dan memakanlah ia darah daripada ibunya untuk jadi makanannya bagi membesarkan dirinya di dalam rahim ibu sehingga pada ghalibnya sesudah sembilan bulan, sembilan hari anak itu keluarlah ke dunia ini dan memandanglah ia kepada dunia ini seterusnya sehingga ia besar.

Sebelum besar, lazimnya ia menetek kepada ibunya daripada tetek yang berasal daripada darah ataupun daripada makanan-makanan yang boleh menghidupkan darah anak itu tadi. Sampai kepada besar.

Apabila besar, darah itu semakin kuat dan semakin tua umurnya, kekuatan darah itu semakin mendalam dan lama-kelamaan darah yang memancar itu akhirnya semakin berkurang kuatnya kerana telah tua dan kerana itu semakin lemahlah darah dan semakin hitamlah warna darah yang merah memancar-mancar di dalam masa muda itu. Perubahan ini dengan sendirinya menjadikan kekuatan manusia semakin berkurang, kemahuan roh dan jiwanya semakin kurang bersama-sama dengan kurangnya darah itu dan akhirnya apabila darah sudah lemah, apabila darah sudah tidak hidup lagi maka matilah ia dan keluarlah roh itu daripada badan ke tempat lain, ke tempat yang kekal abadi.

Begitulah Allah yang Maha Bijaksana menyuruh kita, umat menyedari diri akan kejadiannya daripada setitik darah yang hina kemudian menjadi seketul darah, darah yang hidup dengan darah untuk menjadi manusia buat menerima segala percubaan hidup. Mereka disuruh berfikir akan kejadian-kejadian ini supaya mereka menyedari bagaimana keadaan hidupnya, bagaimana keadaan jiwanya, bagaimana kadar dirinya supaya kenal ia akan dirinya iaitu adalah ia berasal daripada suatu benda yang belum ada, menjadi ada dan tiap-tiap yang ada itu tentu ada yang menjadikannya dan dengan kesedaran inilah, ia baharu dapat mengenal Allah sesudah ia mengenal dirinya sendiri.

Kalau kita perhatikan pula keadaan-keadaan perkembangan diri itu, iaitu semenjak daripada kecil kejadiannya itu dengan darah, darah yang di dalam rahim ibu, maka berkewajipanlah bagi tiap-tiap makhluk itu menjaga kebersihan darahnya daripada dimakan oleh anak-anaknya yang masih di dalam kandungan. Ibu yang mengandung itu hendaklah memakan makanan-makanan yang bersih sama ada zatnya, asalnya, dan puncanya. Barang-barang itu hendaklah suci daripada segala najis, suci daripada segala syubhah, suci daripada puncanya iaitu kalau barang itu najis maka darah tadi akan menjadi najis dan kalau barang itu daripada syubhah, barang curi, barang yang tidak halal, barang yang tidak diredai Tuhan masuk ke dalam darah yang menjadi makanan anak itu, sudah tentu anak itu kotor darahnya dan apabila saat mencantumkan roh maka akan terikutlah pula pembawaan darah itu kepada roh yang tiba tadi. Sebab itulah punca makanan kita mesti dijaga dan dikawal sedapat-dapatnya dan seboleh-bolehnya, sama ada bagi diri kita, begitu juga bagi anak isteri kita.

Menjaga kebersihan makanan itu adalah menjadi punca kesucian diri seseorang. Kesucian diri itu membawa pula kepada kesucian perjuangan seseorang, kesucian di dalam mengabdikan diri kepada Tuhan, *Khāliq*, yang menjadikannya – yang menjadikan manusia dan jin adalah kerana menyembah dan sujud kepada Allah semata!

Menyembah dan sujud kepada Allah – ertinya apabila datang perintah Allah yang disampaikan oleh rasul-rasul-Nya maka tidak ada lain katanya selain daripada: “Kami dengar dan kami taat!” dengan tidak berbelah bahagi lagi. Orang-orang yang bersih darahnya daripada segala puncanya itu tidak akan melembutkan giginya daripada lidahnya, tidak akan jadi munafik dan tidak akan takut menghadapi apa jua pun peristiwa-peristiwa yang menentang dasar-dasar perintah Allah yang didengar dan ditaatinya.

Saiyidina Abū Bakr (R.A) seorang sahabat utama memberi contoh di dalam menjaga kesucian darah bagi seluruh umat Islam. Pada suatu hari beliau sedang lapar. Di dalam masa itu khadamnya tiba membawa bungkusan makanan lalu meletakkannya kemudian ia pergi dari situ. Kerana laparnya Saiyidina Abū Bakr terus mengambil bungkusan itu, membukanya dan terus memakannya. Apabila khadamnya tiba baharu ditanya oleh Saiyidina Abū Bakr tentang dari mana makanan itu.

Khadamnya menyatakan bahawa makanan itu pemberian orang Jahiliah yang mengadakan kenduri. Mendengar itu Saiyidina Abū Bakr marah kerana tidak diberitahu tetapi apakan daya, kerana Saiyidina Abū Bakr sendiri tidak bertanya lebih dahulu kepadanya. Saiyidina Abū Bakr lalu mencungkil kerongkongnya untuk mengeluarkan makanan dari perutnya dengan bersusah payah. Melihat itu salah seorang menasihatkan beliau supaya minum air banyak-banyak. Nasihat itu diterimanya dan sesudah itu baharulah beliau dapat memuntahkannya dan bersyukur atas kejayaan itu.

Perbuatan menjaga diri dari memakan makanan yang berpunca daripada yang tidak baik asalnya dan daripada memakan barang-barang yang boleh membawa perubahan tabiat kepada kurang baik adalah diikuti oleh *al-Salaf al-Ṣāliḥ* dan oleh alim ulama yang soleh dan warak.

Apakah faedah dan kesannya? Ini dapat dilihat daripada perjuangan dan kebersihan mereka itu. Mereka itu mengetahui untuk apa darahnya digunakan dan kerana apa darahnya diperjuangkan.

Bagaimanakah mempergunakan darahnya yang mengalir di dalam badan manusia? Bagaimana darahnya digunakan di dalam perjuangan yang diredai oleh Tuhan? Baca di dalam sambungannya dalam keluaran yang akan datang! – *In shā'a Allāh!*

